

Rumah Ketua Umno Cheras dirompak

**Demi nyawa
isteri, anak**

Harian metro

110312010

M/S 9A

Serah semua wang, barang berharga lebih RM500,000

AMPANG JAYA: Demi keselamatan nyawa isteri dan dua anak yang ditawan sekumpulan penyamun hampir dua jam, Ketua Umno bahagian Cheras, Senator Datuk Wira Syed Ali Al Habshee, sanggup menyerahkan wang dan semua barang berharga dimiliki bernilai lebih RM500,000 asalkan ahli keluarganya tidak dicerderakan.

Dalam kejadian kira-kira jam 3.30 pagi semalam, tiga lelaki dipercayai warga Indonesia yang menutup muka menggunakan tudung wanita memecah masuk rumah mangsa di Taman TAR, Ampang di sini.

Difahamkan, semua penjenayah terbabit mengacukan pisau pemotong daging ke arah leher mangsa yang ketika itu sedang nyenyak tidur di bilik utama.

Anehnya, kehadiran ketiga-tiga lelaki terbabit langsung tidak disedari lima pembantu rumah wanita yang ketika itu tidur di beberapa bilik di tingkat bawah kediaman berkenaan.

Ketika dihubungi, Syed Ali berkata, kejadian berlaku cukup pantas apabila penjenayah terbabit tiba-tiba muncul sebelum mengacu pisau ke lehernya dan isteri sambil mengugut supaya jangan melawan.

"Biarlah polis melakukan siasatan. Saya masih penat, dari awal pagi tadi (semalam) dijejutkan penyamun hingga sekarang belum rehat lagi.

"Berilah saya bertenang. Apa yang penting nyawa kami sekeluarga selamat," katanya.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisyoner Abd Jalil Hasan, ketika dihubungi berkata, pihaknya menerima laporan kes pecah masuk kediaman ahli politik itu kira-kira jam 6.30 pagi.

Menurutnya, penjenayah dipercayai menggunakan laluan kolam renang di belakang rumah untuk masuk ke perkarangan rumah sebelum mengumpul jeriji pintu besi kediaman itu.



CEROBOH...rumah Syed Ali yang disamun tiga penjenayah, awal pagi semalam.

"Difahamkan, penjenayah yang memecah masuk rumah itu mengambil beberapa bilah pisau di dapur di bahagian bawah kediaman tiga tingkat itu sebelum ke bilik tidur utama di tingkat atas.

"Penjenayah kemudian mengejutkan mangsa yang lena tidur sebelum mengarahkannya supaya tidak melawan. Mangsa yang diacukan pisau di leher kemudian diarah menyerahkan semua barang berharga termasuk wang, barang kemas dan telefon bimbit disimpan dalam peti besi.

"Penjenayah turut mengacukan pisau di leher isteri dan dua anak mangsa," katanya.

Menurutnya, penjenayah kemudian mengikat semua mangsa sebelum melarikan diri ke kawasan hutan berbukit di belakang banglo berkenaan. Bagaimanapun, mangsa hanya mampu membuka ikatan terbabit kira-kira jam 6.30 pagi sebelum melaporkan kejadian kepada pihak polis.

"Berdasarkan siasatan awal, polis percaya penyamun ialah tiga lelaki Indonesia berusia lingkungan 40-an. Susulan itu, pihak polis mengadakan operasi besar-besaran di kawasan rumah kongsi di sekitar daerah Ampang.

"Agak sukar untuk mengenali pasti wajah dan identiti

suspek berikutan rumah terbabit tidak dipasang kamera litar tertutup (CCTV). Sehingga kini polis masih meneruskan siasatan dan memburu mangsa secara besar-besaran," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 397 Kanun Keseksaan kerana melakukan samun bersenjata berkumpulan.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro mendapati khidmat Unit Anjing Penganal Polis (K9) dibantu beberapa anggota polis digunakan bagi menjejaki suspek yang disyaki melarikan diri ke kawasan hutan berbukit melalui laluan denai hutan dan air terjun kira-kira 50 meter dari kediaman mangsa.

Difahamkan, usaha menjejaki suspek yang bermula sekitar jam 9 pagi menemui jalan buntu berikutan jalan denai dalam hutan terbabit yang berliku selain mempunyai banyak simpang yang boleh ditembusi hingga ke kawasan Hulu Klang atau Bukit Indah.

Lebih menyukarkan keadaan apabila jejak serta bau ditinggalkan kumpulan penjenayah sukar dikesan berikutan laluan denai terbabit turut digunakan orang ramai untuk tujuan beriadah dan berjoging pada waktu pagi.